

BAB
KETUJUH

BAB KETUJUH

RUMUSAN DAN CADANGAN

7.0 Pendahuluan

Penulis akan membahagikan Bab Ketujuh ini kepada dua bahagian yang utama, iaitu bahagian rumusan dan bahagian cadangan. Bahagian rumusan akan menyorot aspek-aspek penting yang telah dibincangkan dalam bab-bab yang lalu. Sorotan ini bertujuan untuk menghasilkan satu rumusan yang menyeluruh yang melahirkan maklumat-maklumat penting yang berkaitan dengan kajian ini.

Dalam bahagian cadangan pula, penulis akan cuba mengemukakan beberapa cadangan yang bertujuan untuk mempertingkatkan kaedah-kaedah pembelajaran nahu bahasa Arab dan pengajarannya. Sehubungan dengan itu, para pelajar diharapkan dapat memahami penggunaan nahu bahasa Arab dalam kitab-kitab tafsir al-Quran dan seterusnya mereka dapat mempraktikkannya dalam bidang penulisan, pembacaan dan komunikasi dengan lebih berkesan lagi.

7.1 Rumusan

Sebagaimana yang kita fahami melalui perbincangan-perbincangan yang lalu, al-Zamakhsyariy tergolong dalam kategori ulama nahu Aliran Nahu Baghdad yang lebih cenderung kepada pendapat-pendapat Aliran Nahu Basrah berbanding pendapat-pendapat Aliran Nahu Kufah. Kecenderungan al-Zamakhsyariy kepada Aliran Nahu Basrah ini dapat dilihat dengan jelas sekali melalui pendapat-pendapat nahu yang beliau kemukakan semasa mentafsir sesuatu ayat al-Quran dalam *Tafsir al-Kasysyaf*.

Semasa mentafsir ayat-ayat al-Quran tersebut, al-Zamakhsyariy telah menggunakan kaedah *i'rāb* yang agak baik untuk mengenangkan pendapat-pendapat beliau yang berkaitan dengan nahu di samping mempertahankan mazhab Muktazilah yang dianuti oleh beliau. Selain itu, beliau juga turut menggunakan kaedah *i'rāb* yang menggambarkan keindahan ayat-ayat al-Quran dari sudut *balāghat*.

Untuk menguatkan pendapat-pendapat beliau yang berkaitan dengan nahu tersebut, al-Zamakhsyariy kerap kali dilihat menggunakan *qira'at* al-Quran, iaitu sama ada *qira'at mutawatirat* atau pun *qira'at syādhāt*, sebagai dalil nahu. Dalam hal ini, al-Zamakhsyariy kadang-kadang melebihkan suatu *qira'at mutawatirat* berbanding *qira'at mutawatirat* yang lain, semata-mata kerana *qira'at mutawatirat* yang kedua tersebut bertentangan dengan kaedah nahu yang dipegang oleh beliau.

Selain menggunakan *qira'at* al-Quran, al-Zamakhsyariy juga kerap kali menggunakan bait-bait puisi sebagai dalil nahu. Bait-bait puisi yang digunakan oleh al-Zamakhsyariy ini meliputi bait-bait puisi daripada empat kategori pemuisi, iaitu Pemuisi *Jahiliy*, Pemuisi *Mukhadramun*, Pemuisi *Islamiy* dan juga Pemuisi *Muhdathun*, walaupun para ulama berpendapat bahawa bait-bait puisi daripada Pemuisi *Muhdathun* tidak boleh dijadikan sebagai dalil nahu.

Akhir sekali, al-Zamakhsyariy turut menggunakan hadith-hadith Nabi s.a.w., yakni hadith-hadith yang sahih, sebagai dalil nahu di beberapa tempat dalam *Tafsir al-Kasysyaf*.

Oleh kerana kecenderungannya yang begitu kuat terhadap Aliran Nahu Basrah, maka amat sukar sekali untuk kita mengesan pendapat-pendapat beliau yang memihak kepada Aliran Nahu Kufah dalam *Tafsir al-Kasysyaf* dan kalau ada pun, maka bilangannya amat sedikit sekali. Di samping itu, al-Zamakhsyariy juga kadang-kadang mengemukakan pendapat beliau yang tersendiri yang tidak memihak kepada salah satu daripada kedua-kedua aliran nahu tersebut atau pun pendapat yang berlainan daripada jumhur ulama.

Walau bagaimanapun, tindakan al-Zamakhsyariy ini menunjukkan kepada kita bahawa beliau adalah salah seorang daripada ulama Aliran Nahu Baghdad. Ini kerana ulama-ulama Aliran Nahu Baghdad bertindak menyaring pendapat-pendapat yang dikemukakan oleh Aliran Nahu Basrah dan Aliran Nahu Kufah dan memilih mana-mana pendapat yang dipersetujui oleh mereka

di samping turut mengemukakan pendapat-pendapat mereka yang tersendiri dalam beberapa masalah yang difikirkan perlu.

Melihat kepada pemikiran-pemikiran nahu yang dikemukakan oleh al-Zamakhsyārī dalam *Tafsīr al-Kasysyāf*, kita boleh membahagikannya kepada dua kategori, iaitu pemikiran nahu yang bersifat positif dan pemikiran nahu yang bersifat negatif.

Antara dapatan kajian yang diperolehi daripada pembentangan tesis ini ialah kitab *Tafsīr al-Kasysyāf* sangat sesuai dijadikan rujukan nahu bahasa Arab, khususnya bagi mereka yang ingin memahami sesuatu ayat al-Quran yang mempunyai kaitan dengan masalah-masalah nahu. Selain itu, kitab tersebut juga didapati sesuai dijadikan buku teks atau sekurang-kurangnya buku rujukan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran nahu bahasa Arab, sama ada di peringkat menengah tinggi atau pun universiti.

Penggunaan kitab *Tafsīr al-Kasysyāf* dalam pengajaran tafsir al-Quran kepada pelajar dan masyarakat juga dipercayai boleh menarik minat mereka untuk mendekati kitab-kitab tafsir yang banyak menitikberatkan masalah-masalah nahu dalam pentafsiran ayat-ayat al-Quran. Akhir sekali, pembentangan tesis ini diharap dapat menarik minat pengkaji-pengkaji bahasa Arab yang lain untuk melakukan kajian-kajian yang seumpamanya selepas ini. Ini kerana semakin banyak kajian yang dilakukan akan menemukan penemuan-penemuan baru yang berguna untuk masyarakat dan negara.

7.2 Cadangan

Melihat kepada aspek-aspek positif yang terdapat dalam tafsir al-Kasysisyāf di samping pengajaran-pengajaran yang boleh diambil di sebalik aspek-aspek negatif yang terdapat dalam tafsir berkenaan, maka penulis ingin mengambil kesempatan untuk mengemukakan beberapa cadangan kepada pihak-pihak tertentu, iaitu cadangan-cadangan yang difikirkan sesuai untuk diperaktikkan dalam suasana pengajian nahu bahasa Arab di negara ini. Cadangan-cadangan tersebut adalah seperti berikut :-

Pertama : Menggunakan kitab-kitab tafsir yang banyak menitikberatkan hal-hal yang berkaitan dengan nahu Arab sebagai sebahagian daripada teks dalam pengajian nahu bahasa Arab, di samping menjadikannya sebagai bahan rujukan utama untuk tujuan tersebut.

Dalam hal ini, pihak Kementerian Pendidikan contohnya, boleh memilih mana-mana teks dalam *Tafsīr al-Kasysisyāf* yang difikirkan sesuai untuk dimasukkan ke dalam sukanan pelajaran bagi mata pelajaran bahasa Arab di peringkat Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau di peringkat Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM).

Begitu juga, pihak-pihak yang berkenaan di institusi-institusi pengajian tinggi awam (IPTA) mahu pun swasta (IPTS) yang menawarkan kursus-kursus pengajian bahasa Arab sama ada di peringkat diploma atau pun ijazah

pertama, juga disarankan memilih teks-teks daripada kitab-kitab tafsir yang terpilih, iaitu teks-teks yang sesuai dengan tahap pembelajaran dan tahap intelek yang ada di kalangan pelajar di institusi-institusi tersebut.

Pemilihan teks-teks yang berkaitan dengan nahu yang terdapat dalam kitab-kitab tafsir ini bukan sahaja boleh mempelbagaikan gaya persembahan teks dalam pengajian nahu bahsa Arab, malah dipercayai juga boleh menarik minat para pelajar untuk mengkaji selok belok gaya bahasa yang terdapat dalam al-Quran. Sehubungan dengan itu, para pelajar diharap dapat menyelami keindahan bahasa al-Quran dari sudut ilmu nahu Arab.

Kedua : Selain daripada menggunakan teks-teks tersebut dalam pengajian nahu bahasa Arab, teks-teks yang berkaitan yang difikirkan sesuai juga boleh diguna pakai dalam pembelajaran mata pelajaran tafsir. Ini kerana pengajian tafsir bukan sahaja terhad kepada pentafsiran ayat-ayat al-Quran dari sudut akidah, syariah dan dakwah sahaja, malah ia turut merangkumi pentafsiran ayat-ayat al-Quran dari sudut nahu dan bahasa.

Sehubungan dengan itu, pembelajaran tafsir yang berdasarkan teks-teks yang berkaitan dengan nahu ini diharapkan dapat membantu para pelajar memahami sesuatu kaedah nahu itu dengan lebih berkesan lagi. Dalam hal ini, guru atau pensyarah yang mengajar mata pelajaran tafsir boleh membantu para pelajar memahami kaedah nahu atau permasalahan nahu melalui teks-teks yang diambil daripada kitab-kitab tafsir yang terpilih.

Selain itu, para pelajar yang mempelajari tafsir juga akan beroleh pelbagai pengetahuan yang berkaitan dengan tasfir, termasuklah pentafsiran al-Quran dari sudut nahu. Keadaan ini sudah pasti akan membuka minda mereka dalam hal-hal yang berkaitan dengan tafsir, yakni mereka tidak akan melihat pentafsiran sesuatu ayat al-Quran itu dari satu sudut sahaja, malah akan melihatnya secara menyeluruh.

Ketiga : Pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam penyediaan kurikulum mata pelajaran nahu bahasa Arab, sama ada yang berada di Kementerian Pendidikan, IPTA atau pun di IPTS, disarankan agar mengkaji semula kurikulum yang sedia ada dari sudut kesesuaianya dengan kehendak pembelajaran nahu bahasa Arab dewasa ini.

Dalam hal ini, pendekatan falsafah yang digunakan untuk memahami sesuatu kaedah nahu, hendaklah diminimumkan sekadar yang boleh walau-pun ia tidak boleh digugurkan kesemuanya. Ini kerana kaedah nahu yang berbau falsafah tidak banyak membantu para pelajar untuk mempraktikkan kaedah tersebut sama ada dalam pertuturan, penulisan atau pun pembacaan mereka. Jika kaedah ini mahu dipertahankan, maka ia hanya boleh dipertimbangkan untuk mereka yang mengambil pengkhususan dalam subjek bahasa Arab di peringkat pengajian tinggi sahaja.

Justeru itu, kurikulum yang disediakan kelak hendaklah memastikan agar para pelajar dapat menguasai nahu bahasa Arab dalam bentuk yang lebih mudah difahami dan dipraktikkan. Selain itu, kurikulum tersebut juga

hendaklah sesuai dengan tahap pembelajaran para pelajar, iaitu sama ada di peringkat sekolah menengah, diploma atau pun ijazah pertama dan juga sesuai dengan tujuan subjek tersebut diajar, iaitu sama ada sebagai subjek teras, pilihan atau sebagainya.

Keempat : Pihak kerajaan disaran menubuahkan suatu Iujnah atau jawatankuasa penilai untuk mengkaji atau membuat pemantauan terhadap sebarang perubahan dan perkembangan yang berlaku dalam nahu bahasa Arab. Jawatankuasa yang ditubuhkan tersebut hendaklah dianggotai oleh ahli-ahli nahu bahasa Arab di negara ini yang kemudiannya akan mengadakan kerjasama dengan pakar-pakar nahu bahasa Arab dari negara-negara Arab.

Kewujudan jawatankuasa ini sangat perlu, memandangkan bahasa Arab sekarang ini sedang mengalami proses perubahan ke arah memudahkan lagi kaedah nahu yang boleh diguna pakai, iaitu dengan mengambil pendapat-pendapat daripada pelbagai aliran nahu dan ulama-ulama nahu yang terkenal, termasuk pendapat-pendapat Aliran Nahu Kufah, Aliran Nahu Baghdad, Ibn Hisyām, al-Asymūnīy dan lain-lain.

Kelima : Kementerian Pendidikan disarankan agar membanyakkan lagi jumlah sekolah rendah yang dijadikan perintis dalam pembelajaran bahasa asing tambahan seperti bahasa Arab. Malah pihak Kementerian Pendidikan disarankan agar menjadikan mata pelajaran bahasa Arab sebagai mata pelajaran wajib, khususnya bagi sekolah-sekolah rendah yang mempunyai jumlah murid-murid Islam yang banyak. Ini kerana pendedahan mata pelajaran ter-

sebut di peringkat yang lebih awal akan memudahkan pemahaman mereka terhadap nahu bahasa Arab ketika mereka di peringkat sekolah menengah.

Keenam : Selain itu, pihak Kementerian Pendidikan juga disarankan agar membanyakkan lagi jumlah sekolah menengah yang menawarkan mata pelajaran bahasa Arab sebagai salah satu mata pelajaran pilihan bagi para pelajarnya. Hal ini kerana minat masyarakat kepada pengajian bahasa Arab didapati semakin bertambah sekarang ini, khususnya ekoran daripada kesedaran mereka terhadap kepentingan pengajian agama Islam yang mempunyai kaitan yang rapat dengan bahasa Arab.

Ketujuh : Kementerian Pendidikan dan pihak-pihak berwajib yang menguruskan pentadbiran sekolah-sekolah yang menawarkan mata pelajaran bahasa Arab kepada para pelajar mereka disarankan agar sentiasa mengadakan latihan, kurusus, seminar dan sebagainya kepada guru-guru bahasa Arab berkaitan perkembangan terkini dalam bidang pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Hal ini bertujuan agar guru-guru tersebut dapat melakukan perubahan dalam kaedah pengajaran bahasa Arab kepada pelajar masing-masing mengikut perubahan dan keperluan semasa.

7.3 Penutup

Pentafsiran ayat-ayat al-Quran dari sudut nahu belum begitu tersebar luas di kalangan umat Islam di negara ini. Masyarakat Islam di negara ini umumnya melihat pentafsiran ayat-ayat al-Quran hanya berkisar dari sudut akidah, syariah, dakwah, politik, sosial dan sebagainya yang tidak ada kaitan dengan bahasa apatah lagi nahu.

Justeru itu, usaha yang lebih luas hendaklah digembelengkan ke arah memperkenalkan perkara tersebut di kalangan masyarakat dan pencinta-pencinta bahasa Arab. Dalam hal ini, usaha pertama ke arah mencapai matlamat tersebut ialah dengan meluaskan lagi skop pengajian nahu bahasa Arab dan tafsir di sekolah-sekolah serta pusat-pusat pengajian tinggi awam dan swasta, iaitu dengan mengemukakan teks-teks daripada kitab-kitab tafsir yang berkaitan dengan ilmu nahu dalam sukatan pelajaran nahu bahasa Arab dan tafsir yang mereka pelajari.